

Malam Kebudayaan mantapkan perpaduan pelajar UMSKAL

LABUAN: Penganjuran Malam Kebudayaan India (ICN) 2016 bukan sahaja menjadi lambang perpaduan tetapi juga memantapkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata, program tahunan itu merupakan salah satu keunikannya UMSKAL yang dimiliki oleh setiap pelajar dari seluruh negara dan luar negara khususnya dari negara China.

Katanya, ianya juga merupakan simbolik kepada hubungan baik di antara universiti dengan komuniti setempat di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Program Kebudayaan Indian Cultural Nite merupakan acara tahunan mahasiswa mahasiswi UMSKAL yang telah diadakan sememak tahun 2004. Penganjuran program ini bukan sahaja untuk meraikan kebudayaan masyarakat India tetapi membawa mesej yang lebih mendalam ke arah kebaikan dan kesepakatan UMSKAL dengan masyarakat Labuan demi kesejahteraan generasi akan datang,"katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan alu-aluan mewakili Pen-

garah UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Profesor Madya Dr. Murnizam Haji Halik pada majlis perasmian Malam Kebudayaan India UMSKAL 2016 di Dewan Konvensyen, Kompleks Ujana Kewangan Labuan, malam Sabtu lalu.

Malam Kebudayaan India UMSKAL 2016 itu dirasmikan penutupannya oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dato' Mohd Nadzri Osman.

Turut hadir Pengerusi Persatuan Penganut Agama Hindu Labuan, Ramasamy Rengasamy, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Nur Iman Reedzal, Penyelaras Program, Sharon Tan dan Pengarah Program Indian Cultural Nite 2016, Benjamin Paul Arokiasamy.

ICN 2016 itu dimeriahkan dengan kehadiran pelawak terkenal tanahair, Sathiah dan Pak Cu yang bertindak sebagai pengacara majlis di samping pelbagai acara termasuk tarian dan nyanyian, silbamban dan cabutan bertuah yang menawarkan hadiah menarik termasuk sebuah televisyen sumbangan ahli perniagaan, Sri Ram.

Dr Geoffrey berkata meskipun masyarakat dan UMSKAL terdiri daripada pelbagai bangsa mahupun kepercayaan agama yang berlainan, pada malam itu, penonton diraikan dengan persembahan nyanyian dan tarian sebagai lambang keunikan rakyat di Malaysia.

Sementara itu, Mohd Nadzri ketika berucap pada majlis itu berkata, Perbadanan Labuan akan sentiasa memberikan sokongan padu kepada penganjuran program seperti ICN yang dikenalpasti mampu menyemarakkan semangat Malaysia di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, program seumpama itulah membolehkan penduduk tempatan menyaksikan dengan lebih dekat kebudayaan kaum India yang merupakan masyarakat ketiga terbesar di negara ini.

"Inilah uniknya negara kita yang memaparkan pelbagai kebudayaan seperti tarian, nyanyian dan pakaian kaum India. Saya sangat bangga dan bertuah dapat melihat sendiri kebudayaan kaum India yang dikendalikan mahasiswa UMS-



CENDERAMATA ... Mohd Nadzri menerima cenderamata daripada Dr Geoffrey (2 kanan) selepas merasmikan ICN UMSKAL 2016.

SKAL,"katanya. Mohd Nadzri berharap melalui penganjuran ICN itu akan merapatkan lagi hubungan antara kaum di negara ini amnya dan Wilayah Persekutuan Labuan khususnya termasuk UMSKAL sebagai satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ada di pulau bebas cukai itu.



KENANGANMohd Nadzri (6 kanan) dan Geoffrey (5 kanan) bergambar kenangan bersama Jawatankuasa Penganjur ICN 2016.



BERTUAHMohd Nadzri (dua kanan) menyampaikan hadiah cabutan bertuah berupa televisyen kepada pelajar UMSKAL diperhatikan Geoffrey dan Benjamin.